



BAB LIMA

BAB KELIMA : PENUTUP

Setelah meneliti dan berbincang tentang masalah akhlak pelajar dan faktor-faktor yang membawa kepada berlakunya masalah tersebut di FELDA Ulu Belitong, Kluang, Johor, seterusnya perlulah dilihat beberapa rumusan dan saranan yang dapat membantu ke arah pembangunan akhlak yang lebih berkesan dikalangan pelajar.

5.1 Kesimpulan

- 1) Kajian menunjukkan masa remaja merupakan masa peralihan dari peringkat akhir kanak-kanak menuju ke peringkat permulaan dewasa. Dalam tempoh tersebut, remaja mengalami perubahan dari pelbagai sudut meliputi perubahan fizikal, emosi, sosial, intelek dan moral. Malahan masa tersebut juga adalah masa di mana remaja mula membina dan membentuk identiti serta personaliti diri. Ada remaja yang berjaya melalui masa peralihan tersebut dengan semangat dan sikap positif dan ada juga remaja yang hanyut dalam arus peralihan yang negatif. Justeru, pada waktu ini, remaja perlukan bimbingan dan tunjuk ajar serta panduan dari semua pihak disekelilingnya terutama ibu bapa, keluarga, rakan, guru dan masyarakat serta pihak kerajaan untuk membentuk peribadi dan sahsiah yang unggul.
- 2) Kajian juga menunjukkan bahawa akhlak remaja Islam, merupakan satu perkataan yang amat mudah disebut tetapi amat susah untuk membentuknya. Akhlak mulia ialah akhlak yang bersandarkan kepada contoh ayat-al-Quran dan peribadi Rasulullah s.a.w sebagai junjungan yang terpuji. Terlalu sukar untuk

mencari remaja yang bercirikan akhlak Islam yang sebenar hari ini. Sabar, bersyukur, tekun dan rajin belajar, menghormati orang tua dan guru, amanah, berdisiplin, lemah lembut dan pemaaf merupakan antara sifat-sifat dan ciri-ciri akhlak remaja Islam yang patut dimiliki oleh generasi hari ini. Hakikatnya, remaja hari ini sedang melewati zaman krisis kegawatan akhlak. Masalah akhlak dari kes yang ringan seperti kegiatan ponteng sekolah, tidak menyiapkan kerja rumah, menghisap rokok dan berjudi semakin tidak dapat dibendung. Malah kajian menunjukkan remaja hari ini semakin berani melakukan kes-kes berat seperti merogol, melacurkan diri dan sampai kepada tahap membunuh. Masalah tersebut bukan hanya berlaku di bandar-bandar besar malah juga di kampung dan juga di kawasan FELDA.

- 3) Hasil kajian juga menunjukkan bahawa golongan remaja di kawasan gugusan FELDA Ulu Belitong, Kluang Johor, ini tidak terkecuali terlibat dalam pelbagai masalah salahlaku akhlak. Hasil kajian menunjukkan masalah akhlak yang mempunyai penglibatan yang tinggi dikalangan pelajar di kawasan ini berkisar kepada masalah yang agak ringan seperti ponteng sekolah, berfoya-foya di bandar dan seumpama dengannya. Ini menggambarkan sikap sebahagian besar remaja di kawasan ini yang kurang menumpukan perhatian dan penekanan kepada akademik dan pelajaran serta lebih suka kepada keseronokan semata-mata.
- 4) Sementara itu, penemuan kajian mendapati masalah akhlak yang serius seperti merokok, menonton video atau CD lucu, berjudi dan mengambil dadah merupakan antara masalah yang wujud dikalangan remaja gugusan FELDA ini walaupun pada kadar peratusan yang rendah. Remaja lelaki yang bekerja sambil

belajar dan yang sudah berhenti belajar dan mempunyai tahap pendidikan yang agak rendah didapati lebih ramai terlibat dalam masalah akhlak.

5) Seterusnya berkaitan dengan faktor berlakunya masalah tersebut, penemuan kajian mendapati faktor pengabaian kasih sayang ibu bapa dan keluarga, kurangnya komunikasi dalam keluarga, pengabaian penekanan pendidikan agama serta contoh dan perilaku negatif daripada ahli keluarga menyebabkan anak-anak cenderung untuk melakukan salahlaku akhlak. Kesibukan ibu bapa bekerja siang dan malam untuk meningkatkan ekonomi keluarga juga menyebabkan anak-anak remaja terabai.

6) Penemuan kajian juga menunjukkan pengaruh ajakan dan pujukan rakan-rakan untuk melakukan gejala sosial memudahkan mereka terjebak dengan salahlaku tersebut. Rakan sebaya adalah individu yang paling hampir dengan remaja selepas keluarganya. Sekiranya ibu bapa dan keluarga tidak memberikan perhatian dan kasih sayang yang secukupnya, remaja akan berkecenderungan untuk mencerahkan masalah yang dihadapi kepada rakan sebaya dan seterusnya menjadikan mereka sebagai pakar rujuk dalam kehidupan sehari-hari.

7) Kajian juga mendapati faktor persekitaran FELDA yang agak padat dan rapat rumah mereka menyebabkan pengaruh jiran amat kuat. Kedudukan lokasi FELDA yang berdekatan dengan dua buah bandar besar pula menyebabkan remaja di sini lebih terdedah kepada keseronokan seperti pusat hiburan, pusat beli belah, panggung wayang, kafe siber dan pusat *snooker* yang banyak. Media massa seperti majalah-majalah hiburan dan lucah serta video dan CD lucah serta ganas mudah diperolehi. Ditambah lagi dengan kedudukan FELDA yang terletak di

negeri Johor yang mana siaran TV Singapura (kurang tapisan malah ada yang tidak ditapis langsung) boleh diikuti dengan jelas di negeri ini. Unsur-unsur dan elemen ini lebih banyak membawa mesej buruk lalu mempengaruhi akhlak remaja. Ini membuktikan bahawa pendedahan kepada unsur-unsur kehidupan bebas, keseronokan, budaya kebendaan dan keganasan banyak mempengaruhi minda, pemikiran dan stail gaya hidup golongan remaja.

8) Hasil kajian menunjukkan faktor guru juga memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi akhlak remaja.. Guru yang inovatif, kreatif dan mampu menerapkan minat pelajar terhadap sesuatu pelajaran mampu menghindarkan remaja daripada gejala sosial , terutamanya masalah ponteng sekolah. Oleh kerana sekolah merupakan institusi kedua penting selepas ibu bapa dan keluarga, maka guru berperanan besar dalam membentuk kendiri dan jati diri remaja. Kegagalan pihak sekolah dan guru memainkan peranan masing-masing boleh menambahkan lagi masalah salahlaku akhlak remaja. Suasana pembelajaran yang positif dan memberangsangkan serta menarik minat pelajar, keperihatinan guru dengan masalah akhlak pelajar serta keperibadian guru yang boleh menjadi teladan amat penting dalam membangunkan akhlak remaja.

9) Aktiviti ko-kurikulum dan program motivasi di sekolah juga amat berguna untuk memupuk kendiri remaja yang positif. Masa lapang yang digunakan untuk kegiatan-kegiatan yang berfaedah seperti bersukan, tracking, kem-kem motivasi dan sebagainya boleh menjadi inisiatif kepada pelajar menghindarkan diri dari gejala salahlaku akhlak seperti lepak, berfoya-foya di bandar .

10) Suasana persekitaran tempat tinggal, golongan masyarakat sekitar sebagai jiran tetangga, kedudukan atau lokasi tempat tinggal seperti di bandar, pinggir bandar ataupun luar bandar juga memainkan peranan besar dalam menyumbang kepada berlakunya masalah akhlak remaja. Hasil kajian menunjukkan bahawa suasana rumah kediaman kebanyakannya penduduk FELDA yang rata-ratanya agak sempit dengan hanya dua atau tiga bilik sahaja, kedudukan rumah yang agak rapat atau dekat antara satu sama lain dan pengabaian sikap atau keprihatinan jiran tetangga dari menegur kesalahan yang dilakukan oleh remaja menjadi antara penyebab yang menyumbang kepada masalah akhlak remaja di kawasan ini. Kedudukan atau lokasi FELDA yang agak dekat dengan bandar serta kemudahan pengangkutan yang mudah dan banyak untuk ke sana menyebabkan golongan remaja di sini agak terdedah kepada kehidupan ala remaja bandar yang lebih mementingkan keseronokan dan kebendaan.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai masalah akhlak yang berlaku di kawasan FELDA ini melibatkan remaja yang berumur antara 13 hingga 21 tahun. Masalah-masalah tersebut dikaitkan dengan masalah-masalah akhlak yang kecil seperti ponteng sekolah dan melepak sehingga halah kepada masalah-jenayah berat seperti berjudi, melacur, mencuri, terlibat dengan dadah dan pil khayal, menonton video dan CD lucu serta mengadakan hubungan seksual di luar nikah. Setelah dikaji ternyata masalah tersebut berpunca daripada beberapa faktor utama seperti pengabaian kasih sayang ibubapa dan keluarga kerana desakan ekonomi serta kekurangan didikan agama. Faktor-faktor lain yang menjadi penyumbang sampingan ialah pengaruh rakan sebaya, faktor persekitaran rumah dan sekolah, media massa, guru dan pihak sekolah serta masyarakat sekitar.

5.2 Saranan-saranan

Masalah akhlak remaja merupakan masalah yang agak rumit dan kompleks serta memerlukan perhatian dan tindakan yang serius dan berterusan untuk menanganiinya. Bukan sahaja remaja bandar yang banyak terdedah kepada unsur dan budaya kuning, malahan remaja di kawasan pedalaman seperti FELDA juga mengalami masalah sama yang agak serius. Walaupun kajian ini menunjukkan bahawa lebih ramai remaja terlibat dalam masalah akhlak yang agak ringan berbanding kesalahan jenayah yang besar, namun keadaan ini tidak boleh diambil mudah.

Dalam usaha untuk menangani masalah yang berlaku satu tindakan yang tegas dan bersepada perlu diambil oleh pelbagai pihak untuk menanganiinya. Untuk melaksanakan tindakan tersebut, di sini dikemukakan beberapa saranan penting untuk diberikan perhatian iaitu :

Saranan Kepada Golongan Ibubapa

- 1) Ibu bapa disarankan agar memberikan sepenuh penumpuan dan kasih sayang terhadap anak-anak mereka terutama sekali setelah mereka menginjak alam remaja. Ibu bapa perlu meluangkan sedikit masa untuk bertanyakan masalah dan mendengar luahan hati mereka walaupun sibuk bekerja di ladang ataupun kilang. Pastikan agar salah seorang daripada ibu atau bapa boleh menjadi rakan dan pembimbing remaja supaya mereka merasa bahawa kehadiran ibu bapa dalam hidup mereka amat penting dan bermakna.

Bagi memastikan perkara di atas boleh diaplikasikan, di sini disertakan sedikit alternatif kepada perlaksanaan saranan tersebut :

- a- Ibu atau bapa sebolehnya cuba pastikan bahawa setiap hari ada masa yang diluangkan untuk makan bersama ahli keluarga. Tidak kira waktu pagi, petang ataupun malam. Pada waktu terluang itu, ibu atau bapa bolehlah :
 - i- Bertanyakan khabar tentang pelajaran anak-anak.
 - ii- Mengambil tahu masalah anak-anak di sekolah
 - iii- Bertanyakan tentang masalah yang dihadapi oleh anak-anak sama ada berbentuk masalah keluarga, kewangan, kawan-kawan ataupun masalah peribadi.
- b- Ibu atau bapa juga boleh mengambil ruang waktu sembahyang berjemaah bersama ahli keluarga sekurang-kurangnya sekali dalam sehari. Ibu atau bapa menjadi imam dan anak-anak menjadi maknum. Doa ibu bapa akan diaminkan oleh anak-anak. Lepas sembahyang pula ajarkan anak-anak mencium tangan ibu dan ayah. Secara tidak langsung anak-anak seronok untuk melakuannya. Inilah yang akan menambahkan keberkatan dalam kehidupan berkeluarga.
- c- Sekiranya ibu atau bapa mempunyai masa yang terluang tetapi anak-anak-pula yang sibuk dan cuba utuk mengelakkan diri, cubalah gunakan adik-beradik atau mana-mana ahli keluarga yang rapat dengan anak remaja tersebut untuk mendekati dan memujuk beliau. Cubalah duduk bersemuka dan berunding secara baik dengan beliau secara dua hala. Disamping itu, ibu bapa janganlah lupa berdoa kepada Allah agar dilembutkan hati anak-anak kerana doa merupakan senjata yang paling utama bagi orang-orang mukmin.

2) Ibu bapa juga perlu menjadi rujukan dan contoh teladan yang terbaik untuk anak-anak. Ini kerana asas pendidikan anak-anak bermula dari rumah bukan di sekolah. Contoh teladan dan disiplin yang baik dari ibubapa sejak anak-anak masih kecil akan membentuk keperibadiannya setelah ia remaja dan dewasa.. Ibu bapa tidak boleh meletakkan seratus peratus kesalahan kepada anak-anak remaja bila anak-anak mereka terlibat dalam salah laku akhlak. Perlu juga diteliti dan dimuhasabah kesalahan diri sendiri. Ibu bapa disarankan agar memastikan bahawa mereka terlebih dahulu berubah sebelum mengubah dan memperbaiki kesalahan anak-anak. Untuk menjadi teladan yang terbaik bagi anak-anak, ibu bapa perlulah memastikan :

- a- Ibu bapa terlebih dahulu menghindarkan diri daripada perbuatan berjudi, minum arak ataupun membeli nombor ekor
- b- Pastikan ibu bapa menjaga sembahyang dan rukun-rukun Islam yang lain agar anak-anak mendapat teladan yang baik.
- c- Menjauhkan diri dariopada menonton filem-filem lucah dan melarang anak-anak daripada berbuat sedemikian
- d- Menunjukkan contoh teladan dari sudut penutupan aurat dan menjaga tingkahlaku serta pertuturan sehari-hari
- e- Menggalakkan diri sembahyang jumaat di masjid pada hari jumaat.
- f- Ibu bapa perlu menjadi model unggul yang sentiasa melaksanakan tanggungjawab terhadap keluarga, agama dan negara.

3) Ibu bapa juga perlu sedar bahawa mereka perlu memperlengkapkan diri dengan pelbagai ilmu keagamaan ,keibubapaan dan psikologi sebelum mereka menjadi ibubapa lagi. Mereka juga perlu sentiasa menambahkan ilmu yang ada dengan menghadiri seminar, kelas-kelas pengajian ataupun dengan membaca buku-buku

dan pelbagai bahan bacaan lain yang berkaitan dengannya. Mereka perlu sentiasa sedar bahawa cabaran dalam mendidik anak-anak terutamanya anak-anak remaja dalam dunia yang serba membangun dan mencabar ini memerlukan keprihatinan yang lebih daripada mereka. Tegasnya persediaan yang rapi perlu dibangunkan dalam diri setiap ibubapa sebelum melangkah ke alam keibubapaan.

Saranan Kepada Guru, Kauselor dan Pihak Pentadbiran Sekolah

1) Setiap guru perlu menjadi guru yang berdedikasi dan sentiasa memerhatikan akhlak dan kelakuan anak didik mereka. Mereka bukan sahaja menggunakan mata dan telinga sendiri untuk memperbaiki akhlak pelajar, malah boleh memasang mata dan telinga lain dikalangan guru-guru ataupun dari kalangan pelajar sendiri untuk mengawasi mereka yang bermasalah. Walaupun masa bersama pelajar terhad di sekolah sahaja, guru-guru perlu ingat bahawa tugas mereka adalah amanah yang akan dipertanggungjawabkan suatu hari nanti.

Guru-guru disarankan agar:

- a- Menjadi teladan dan contoh yang baik kepada pelajar dalam segala aspek sama ada perlakuan, pertuturan, pakaian, minat terhadap pelajaran dan sebagainya. Biasanya pelajar akan cepat terikut dengan contoh yang ditunjukkan oleh guru di sekolah.
- b- Setiap guru mesti mengajar dengan penuh perasaan dan memberikan komitmen yang tinggi dalam profesyen yang mereka ceburi. Kesungguhan guru melaksanakan tugas mereka dengan penuh keikhlasan akan menambahkan minat pelajar untuk bersungguh-sungguh dalam pelajaran mereka.

- 2) Kaunselor sekolah perlu bekerjasama dengan semua guru yang mengajar pelajar yang bermasalah untuk mengetahui latar belakang keluarga dan rakan sebaya mereka sebelum berjumpa secara *personal* dengan pelajar terbabit. Ini akan memudahkan proses kaunseling yang bakal diadakan.
- 3) Pihak pentadbiran sekolah pula perlu tegas dalam perlaksanaan disiplin pelajar untuk mengawal akhlak pelajar. Pemantauan secara berterusan perlu dilaksanakan agar segala tindakan yang dibuat berjalan lancar dan berkesan. Kerjasama secara bersepadu dari semua guru juga perlu pertingkatkan untuk melicinkan lagi pengurusan disiplin.
- 4) Pihak pentadbiran sekolah juga mestilah sentiasa mengadakan aktiviti ko-kurikulum seperti persatuan-persatuan pakaian seragam, penulisan, sukan, program motivasi dan sebagainya agar masa lapang pelajar terisi dengan pelbagai kegiatan yang bermanfaat. Ini akan menghindarkan mereka dari segala kegiatan yang sia-sia dan tidak berfaedah.

Saranan Kepada Pihak Kerajaan

- 1) Pihak pengurusan FELDA juga disarankan agar lebih memperbanyakkan aktiviti-aktiviti yang lebih menambahkan minat golongan belia untuk meneruskan kerja-kerja di ladang. Ini kerana rata-rata golongan muda lebih berminat untuk bekerja kilang dan berhijrah ke bandar daripada tinggal di FELDA mengusahakan ladang kelapa sawit bapa mereka. Mungkin inisiatif dan ganjaran boleh diberikan

terhadap generasi kedua peneroka sebagai umpan untuk memancing minat mereka.

3) Pihak pengurusan aktiviti belia FELDA disarankan agar

- a- Sentiasa memperbanyakkan program-program yang berbentuk motivasi dan pembentukan semangat kepada golongan remaja dan belia FELDA agar tertanam jati diri yang positif dalam diri remaja. Ini diharapkan agar dapat menjadi benteng untuk mereka menjauhkan diri daripada perbuatan salahlaku akhlak.
- b- Aktiviti yang berbentuk kesukunan juga boleh diperbanyakkan untuk membentuk generasi yang cergas badan dan sihat minda mereka. Perlawanan persahabatan boleh dipertingkatkan agar remaja dan belia sentiasa berfikiran dan bersifat positif dan ini mungkin boleh mengelakkan mereka terjebak dalam aktiviti yang tidak sihat.
- c- Kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan, badan-badan berkanun ataupun pihak NGO juga mungkin boleh deperbanyakkan lagi untuk mempelbagaikan aktiviti-aktiviti remaja dan belia.

3) Pihak Jabatan Agama Islam Johor dan pengurusan FELDA disarankan agar memperbanyakkan aktiviti dan kelas pengajian ilmu agama di kalangan remaja dan juga golongan tua di FELDA. Kursus-kursus keibubapaan dan psikologi boleh diadakan di sini untuk meningkatkan kemahiran golongan ibu bapa dan juga memberi pendedahan kepada golongan remaja dan belia kepada ilmu tersebut. Pihak pengurusan FELDA juga boleh memberi penegasan untuk mewajibkan setiap ibu bapa perlu menghadiri kursus tersebut sekurang-kurangnya sekali atau

dua kali setahun. Ini diharapkan agar menjadi motivasi dan kesedaran awal untuk ibu bapa di FELDA ini menambahkan ilmu keibubapaan mereka.

Saranan Kepada Golongan Masyarakat

:

- 1) Pihak masyarakat FELDA diharapkan agar menghidupkan kembali sifat menjaga tepi kain orang dalam kehidupan bermasyarakat. Ini kerana sifat tegur menegur dan nasihat menasihati antara satu sama lain amat penting untuk memberi peringatan sesama manusia. Generasi muda juga tentu akan segan silu untuk melakukan perbuatan yang melanggar tatasusila adat melayu sekiranya ada teguran dari generasi tua.

Saranan Kepada Golongan Remaja FELDA

- 1) Remaja FELDA disarankan agar sentiasa mengingatkan diri mereka untuk belajar bersungguh-sungguh bagi mengubah nasib keluarga mereka. Motivasi dan semangat jati diri perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa agar mereka sentiasa akan berfikiran positif dan berwawasan. Remaja perlu ingat bahawa hanya pelajaran dan pengalaman yang boleh menjadi asas kepada mereka untuk berjaya.
- 2) Remaja FELDA juga disarankan agar mengelakkan diri daripada bekerja pada usia yang muda kerana pengaruh kemewahan dan kebendaan tentu akan lebih mendominasi pemikiran mereka agar berhenti belajar.

3) Remaja FELDA juga disarankan agar sentiasa melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah ataupun pihak-pihak lain untuk mengisi masa lapang mereka. Ini diharapkan agar mereka akan dapat menghindarkan diri dari perbuatan salahlaku akhlak. Manfaatkan masa yang terluang untuk melakukan aktiviti yang boleh memberi faedah dan kebaikan kepada agama, bangsa dan negara.